

PM: Komponen BN harus berani hadapi ekstremis kaum sendiri

UM 6 OCT 2002

Oleh ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) harus berani berdepan dengan puak ekstremis kaum masing-masing demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak seharusnya merasa terganggu atau takut kehilangan populariti kerana puak ekstrem kaum hanyalah golongan fanatik yang kecil bilangannya dan tidak mempunyai sokongan ramai anggota masyarakat.

“Oleh itu parti-parti komponen tidak

perlu berasa terganggu apabila diugut oleh sesetengah pihak termasuk puak-puak ekstremis kaum atau agama (sebaliknya) berani menghadapi mereka secara berdepan.

“Mereka tidak perlu berasa takut kehilangan populariti atau pengaruh daripada masyarakat atau kaum mereka kerana berdiri teguh di belakang ialah BN yang telah diberi mandat oleh rakyat untuk menjaga hal ehwal kehidupan mereka,” kata Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian Persidangan Perwakilan ke-31 Parti Gerakan

Rakyat Malaysia (Gerakan) di Menara PGRM di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, puak ekstrem yang berpandangan singkat dan berfikiran sempit amat berbahaya kepada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

“Jika mereka tidak ditentang kemungkinan mereka mencetuskan huru-hara kaum atau agama di negara kita kerana memperjuangkan fahaman mereka yang tidak boleh ditolak.

“Oleh itu saya menyeru semua parti komponen BN supaya bertindak lebih berani dan sentiasa bersatu dalam mem-

■ Lihat muka 4

PM: Komponen BN harus berani hadapi ekstremis kaum sendiri

UM 6 OCT 2002

perjuangkan matlamat dan cita-cita BN untuk melahirkan masyarakat yang satu hati dan hidup dalam keadaan aman sejahtera, selamat, maju dan makmur," tegas beliau.

Menurut Perdana Menteri, parti komponen tidak harus gentar dengan sebarang keputusan BN kerana ia dibuat secara konsensus dan tidak membayangkan dominasi mana-mana parti.

Katanya, parti komponen tanpa mengira jumlah keanggotaannya tidak harus berasa kecil diri sebabikanya harus berdiri gagah sebagai anggota BN.

"Jika parti komponen bertindak sendiri-an maka parti itu akan berasa kecil diri dan tertekan apabila pihak lain termasuk rakan komponen mengesakan tindakannya.

"Kita harus ingat apabila tindakan diambil oleh kerajaan BN, kita sebenarnya mewakili BN dan bukannya diri kita," kata Perdana Menteri.

Menurut Dr. Mahathir, persefahaman antara parti komponen BN amat penting dan harus terus dipelihara.

"Parti komponen juga harus memahami hasrat tersurat dan tersirat kerajaan apabila melaksanakan apa-apa rancangan bagi membolehkan usaha untuk kepentingan dan faedah rakyat dapat dilakukan dengan mudah, lancar dan tanpa apa-apa halangan," katanya.

Sehubungan itu, tambah Dr. Mahathir, parti komponen harus tahu batasan apabila membuat tuntutan bagi mengelakkan ikatan BN menjadi lemah akibat tindakan melampau.

Konsensus

"Kita harus ingat majoriti parti komponen BN adalah berasaskan perkauman ia itu mewakili satu kaum sahaja," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, walaupun bersifat perkauman, parti-parti komponen BN sentiasa mengambil tindakan yang menjurus kepada kepentingan rakyat dan negara.

"Sebab itu segala keputusan yang dibuat oleh kerajaan mempunyai konsensus atau persetujuan sebulat suara oleh semua parti komponen," katanya.

Menurut Perdana Menteri, setiap perkara yang dibangkitkan oleh mana-mana parti komponen akan dibincang dan dikupas secara terperinci bagi mengkaji kesannya terhadap kaum berkenaan, rakyat dan negara.

"Masa inilah parti-parti komponen akan 'bertengkar' antara mereka hinggalah satu keputusan muktamad dicapai sebulat suara," katanya.

Sementara itu, Dr. Mahathir dalam sidang akhbar berkata, semua parti komponen BN bersetuju dengan usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di peringkat sekolah.

"Majoriti mereka bersetuju, cuma mengenai pelaksanaan sahaja.... Kita akan bincangkan perkara ini, tak jadi masalah antara kita kerana kita boleh selesaikan secara konsensus," kata Perdana Menteri.